

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ZAIRIL KHIR  
JOHARI [ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 14 MAC 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan merancang untuk menyelaraskan skala gaji pegawai bomba dengan pegawai polis, memandangkan pasukan bomba kerap didedahkan kepada risiko tinggi dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prinsip pembentukan dan penetapan gaji bagi sesuatu jawatan dalam Perkhidmatan Awam adalah berdasarkan kepada prinsip kadar upah untuk kerja (*rate for the job*), relativiti dan pariti, serta syarat kelayakan masuk dan latihan.

Berteraskan prinsip-prinsip tersebut, Kerajaan telah memutuskan bahawa gaji pegawai dalam Perkhidmatan Polis dan Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) hendaklah lebih tinggi daripada pegawai Perkhidmatan Awam Am. Dalam hal ini, walaupun pegawai bomba diklasifikasikan sebagai jawatan beruniform, namun perkhidmatan tersebut termasuk dalam Perkhidmatan Awam Am seperti mana pegawai dalam perkhidmatan Penjara dan sebagainya.

Oleh yang demikian, dengan mengambil kira prinsip-prinsip yang berkuat kuasa serta skop fungsi tugas yang berbeza, skala gaji pegawai bomba tidak boleh diselaraskan dengan gaji pegawai polis.

Sekian, terima kasih.